

NOTIS MAKLUMAN (29 JUN hingga 12 JULAI 2021)
KES-KES SIVIL MAHKAMAH SESYEN (1) MELAKA
HAKIM : PUAN ELESABET PAYA WAN

Sebagaimana yang Tuan/Puan sedia maklum, YB Dato' Seri Ismail Sabri Bin Yaakob, melalui kenyataan media Pejabat Menteri Kanan Pertahanan bertarikh 27 Jun 2021 telah mengumumkan supaya Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh dikekalkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN). Oleh itu sepanjang tempoh tersebut berkuatkuasa pada **29 Jun 2021** pengendalian kes-kes di Mahkamah Negeri Melaka hendaklah berpandukan kepada arahan-arahan seperti yang dinyatakan:

(a) Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil

(i) Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil yang telah ditetapkan secara kehadiran fizikal di Mahkamah hendaklah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian secara E-review.

(ii) Bagi kes-kes sivil, pendengaran kes hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021; Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (AA KHN 1/2021). Bagi maksud ini, pengendalian prosiding melalui kaedah hybrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai.

(iii) Para Peguam dan pihak-pihak perlu menyemak tarikh baru perbicaraan/pengurusan kes secara fizikal yang telah ditetapkan sebelum ini dengan mahkamah-mahkamah yang berkenaan. Semakan boleh dibuat melalui Sistem EFS, portal Mahkamah Negeri Melaka atau berhubung dengan Pegawai/Jurubahasa Mahkamah masing-masing.

(iv) Bagi kes –kes Sivil dan Pengangkatan, sekiranya pihak-pihak bersetuju untuk kes dijalankan secara 'Aplikasi Zoom', sila maklumkan kepada Jurubahasa dengan segera.

- Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Jurubahasa Yuhanizah seperti tertera di bawah.

YUHANIZAH BINTI MOHD AMIN

Jurubahasa Melayu
Mahkamah Sesyen (1) Melaka

No. Tel : 06-2314020 (ext 214)

No. HP : 012-6934659

Email : yuhanizah@kehakiman.gov.my

Email : msmelaka1@kehakiman.gov.my